

Ulasan Bajet 2018

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Bajet 2018 yang telah dibentangkan oleh PM pada 27 Oktober 2018 baru-baru ini merupakan satu bajet yang menyeluruh meliputi dua fungsi utama. Pertama, menjana pertumbuhan ekonomi dan kedua mengagih kekayaan negara untuk rakyat jelata. Majoriti umum akan memberi tumpuan kepada fungsi kedua iaitu fungsi pengagihan kekayaan negara. Setiap golongan mempunyai kepentingan untuk mendapat manfaat semaksimum mungkin daripada bajet.

Namun, suatu bajet yang progresif perlu mengimbangkan fungsi pengagihan dengan fungsi pertama iaitu penjanaan pertumbuhan ekonomi. Pendekatan yang perlu diambil adalah mengagihkan kekayaan negara seadil mungkin sambil merancang untuk memaksimumkan pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan ekonomi yang perlahan akan memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat masa hadapan. Bajet 2018 didapati agak seimbang di dalam konteks menangani kedua-dua fungsi tersebut.

Pertumbuhan ekonomi untuk tahun 2018 terutamanya adalah bergantung kepada peningkatan permintaan domestik. Permintaan domestik pula dipacu oleh penggunaan dan pelaburan, awam dan swasta. Penggunaan swasta sebahagian besarnya dipengaruhi oleh pendapatan boleh guna individu. Penggunaan awam pula adalah perbelanjaan kerajaan untuk membeli barangan dan perkhidmatan.

Sementara itu, pelaburan merujuk kepada pengumpulan modal di dalam ekonomi. Modal merupakan barangan yang digunakan untuk proses pengeluaran di dalam ekonomi. Oleh itu, pelaburan adalah penting untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran di dalam ekonomi terutama untuk jangka masa pertengahan dan panjang. Pelaburan dilakukan oleh pihak swasta untuk meningkatkan kebolehan pengeluaran mereka. Manakala, pelaburan awam terutamanya terdiri dari penyediaan infrastruktur oleh

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

kerajaan. Ianya diklasifikasikan sebagai perbelanjaan pembangunan di dalam bajet tahunan kerajaan. Pelaburan awam adalah penting untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran di dalam ekonomi sambil meningkatkan kesejahteraan rakyat jelata melalui kemudahan infrastruktur.

Kerajaan menyasarkan pelaburan swasta dan penggunaan swasta untuk tumbuh masing-masing pada kadar 8.9 peratus dan 6.8 peratus pada tahun hadapan. Pertumbuhan penggunaan swasta disokong oleh peningkatan pendapatan boleh guna isi rumah. Melalui Bajet 2018, pendapatan isi rumah ditingkatkan dengan pelbagai bentuk pemindahan pendapatan dari kerajaan terutama kepada golongan B40. Di dalam konteks ini kerajaan didapati meneruskan pemberian BR1M kepada hampir tujuh juta penerima, di samping pemberian baharu seperti kepada pesawah sementara menunggu musim menuai.

Dalam pada itu golongan M40 juga turut menerima manfaat peningkatan pendapatan boleh guna melalui pemotongan cukai sebanyak dua mata peratusan untuk kumpulan pendapatan tertentu. Kedua-dua strategi di atas dijangka akan memberi kesan terus terhadap peningkatan penggunaan swasta. Ini kerana peningkatan pendapatan boleh guna di kalangan golongan berpendapatan rendah biasanya mempunyai keanjalan yang tinggi. Setiap peningkatan pendapatan yang diterima biasanya akan dibelanjakan.

Untuk mengimbangi peningkatan penggunaan, pelaburan juga perlu ditingkatkan. Tanpa peningkatan pelaburan, kapasiti pengeluaran menjadi terhad untuk memuaskan kehendak permintaan. Keadaan ini akan memberi kesan kepada inflasi. Di dalam Bajet 2018, terdapat pelbagai inisiatif yang di beri untuk menggalakkan pelaburan. Antara lain, galakan pelaburan diberikan kepada industri berimpak tinggi termasuk petroleum, rel, robotik, aeroangkasa dan logistik. Pelaburan di dalam industri tersebut dijangka mampu menjana pertumbuhan ekonomi yang pantas kerana ianya memberi nilai ditambah yang tinggi.

Pelbagai inisiatif juga diberi untuk menggalakkan pertumbuhan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Terbukti di negara-negara maju bahawa pertumbuhan PKS adalah penting untuk memupuk budaya keusahawanan di dalam sesebuah ekonomi serta mencipta peluang pekerjaan yang banyak. Dalam pada itu, budaya

keusahawanan pula akan menggalakkan pertumbuhan produktiviti. Pelbagai inisiatif disediakan melalui bajet 2018 termasuk kemudahan pinjaman kewangan untuk PKS. Ini termasuk kredit mikro untuk perusahaan kecil.

Tidak ketinggalan sektor pertanian juga turut menerima suntikan dari Bajet 2018. Pelbagai peruntukan pelaburan infrastruktur berkaitan dengan pertanian disediakan untuk tahun 2018. Ini adalah suatu langkah yang wajar kerana sektor pertanian perlu dipertingkatkan dari segi pengeluaran dan produktiviti. Kegiatan aktiviti hiliran sektor pertanian juga perlu ditingkatkan, terutama melibatkan PKS.

Aktiviti hiliran sektor pertanian memberi nilai ditambah yang tinggi kepada ekonomi berbanding dengan pengeluaran komoditi. Kesannya, pendapatan pekerja sektor pertanian juga akan meningkat. Namun demikian pekerja sektor pertanian perlu meningkatkan kepakaran mereka. Penglibatan para graduan pertanian dan lain-lain sektor yang berkaitan pertanian adalah amat penting untuk memartabatkan sektor ini.

Secara umumnya, Bajet 2018 memberi penekanan kepada kesejahteraan rakyat semasa sambil menggalakkan pertumbuhan ekonomi masa hadapan. Namun begitu, keberkesanan bajet sebagai alat dasar untuk pencapaian matlamat bergantung kepada keberkesanan institusi dari segi perlaksanaan. Manakala, para pekerja perlu meningkatkan sumbangan mereka kepada pertumbuhan ekonomi dengan peningkatan skil.